

548

MAHATHIR-BELANJA

BESUT, 12 MEI (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENGURANGKAN PERBELANJAAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG KURANG MUSTAHAK UNTUK MENAMBAHKAN PERUNTUKAN KESELAMATAN.

MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR MENYATAKAN INI DALAM SATU MAJLIS DIALOG DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA BARISAN NASIONAL DI DEWAN BANDARAN DISINI MALAM TADI.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU, KERANI-KERANI SAMBILAN SEKOLAH DIBENARKAN BERTUGAS BAGI BEBEPAPA BUAH SEKOLAH UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN MEREKA.

KERANI-KERANI SAMBILAN YANG CEKAP SERTA MEMPUNYAI KELAYAKAN AKADEMIK YANG BAIK AKAN DISERAPKAN MENJADI KERANI TETAP, TERUTAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG MEMPUNYAI MURID KIRA-KIRA 400 ORANG.

-- BERNAMA 1340/SZ